

21 JUN 2002

Umno-Usul (Bahas)

KEMUDAHAN BELAJAR B.INGGERIS DI LUAR BANDAR PERLU DITINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Wakil Umno Kedah meminta kerajaan meningkatkan kemudahan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah luar bandar selaras dengan langkah menukar bahasa pengantar mata pelajaran sains dan matematik kepada bahasa Inggeris mulai tahun depan.

Datuk Badrudin Amiruldin juga meminta kerajaan memastikan guru-guru di sekolah luar bandar benar-benar mahir untuk mengajar bahasa Inggeris dan dua mata pelajaran itu.

Kanak-kanak luar bandar memang berminat untuk belajar bahasa Inggeris tetapi penguasaan mereka lemah berbanding pelajar di kawasan bandar kerana kekurangan kemudahan dan guru-guru yang baik, katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap membahaskan usul terima kasih terhadap ucapan dasar presiden di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Usul itu, yang mula diperbahaskan semalam, disambung semula perbahasannya hari ini.

Sambil menyokong keputusan Majlis Tertinggi Umno dan kerajaan supaya mata pelajaran sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris, Badrudin berkata langkah itu wajar bagi mempersiapkan rakyat termasuk orang Melayu menghadapi cabaran zaman globalisasi.

"Kaum lain di negara ini, di samping bahasa ibubunda mereka, boleh berbahasa Melayu. Orang Melayu juga harus belajar bahasa lain terutama bahasa Inggeris supaya mampu bersaing di peringkat antarabangsa," katanya.

"Bahasa Inggeris bukan asing di kalangan orang Melayu. Ibu bapa di luar bandar dulu sudah guna bahasa itu seperti toselait (torchlight), rokok segeret (cigarette) dan sebagainya," kata beliau.

Badrudin mencuit hati para anggota perwakilan dengan cerita seorang rakyat Malaysia pergi ke Amerika Syarikat beratur untuk membeli burger mengucapkan "Thank You apabila terpijak kaki orang putih."

"Nasib baik apabila ditanya orang putih itu where are you from (anda berasal dari mana), dia menjawab Vietnam, kalau tidak malulah presiden (Dr Mahathir Mohamad) dan kita semua," katanya disambut gelak ketawa para anggota perwakilan.

Wakil Umno Kelantan Datuk Ibrahim Ali pula meminta orang Melayu dan anggota Umno terus memberi keyakinan terhadap kemampuan kepimpinan Umno dan kerajaan dalam mempertahankan hak orang Melayu.

Beliau berkata kepimpinan Umno dan kerajaan tidak akan mengkhianati orang Melayu dan akan tetap terus menjaga kepentingan mereka dan sebarang langkah untuk mempersiapkan orang Melayu menghadapi cabaran hendaklah dilihat secara positif.

Wakil Pemuda Umno Wan Khairil Anwar Ahmad mencadangkan kerajaan mempergiatkan program ekonomi di kampung bagi menjadikan kawasan kampung sebagai pusat ekonomi dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan orang Melayu di kampung.

Selain itu, beliau mahukan pemantauan dilakukan terhadap sektor swasta terutama di kalangan syarikat multinasional yang didapati mendiskriminasikan golongan Bumiputera dalam peluang kenaikan pangkat serta projek.

Wakil Pulau Pinang Muhammad Azhar Abdul Wahab berkata sebenarnya Presiden Umno Dr Mahathir masih belum gagal dalam usahanya untuk mengubah minda orang Melayu.

Menurutnya, walaupun pada masa ini perubahan yang berlaku pada orang Melayu agak perlahan tetapi perubahan itu tetap ada dan terus berjalan dari

masa ke semasa atas daya usaha Perdana Menteri.

"Kami juga (anggota Umno) tidak akan membiarkan ianya gagal. Aturlah apa-apa strategi, kami akan bertindak bersungguh-sungguh untuk menjadikan impian itu satu kenyataan," katanya.

Wakil Kelab Umno Mesir Mohamed Ariran Jusoh pula berkata pelajar Melayu pada setiap peringkat perlu menguasai lebih daripada satu bahasa kerana ini menjadikan bangsa Melayu dihormati oleh bangsa lain di dunia.

"Dengan penguasaan lebih banyak bahasa, pelajar Melayu boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi apabila berada di luar negara," katanya.

Mohamed Ariran juga berkata budaya tongkat serta sikap "tidak apa" dan "bolehlah" perlu dilenyapkan di kalangan pelajar Melayu kerana ia melambangkan kelemahan daya saing mereka.

Menurutnya isu 10 peratus tambahan tempat kepada jumlah yang sedia ada untuk pelajar bukan Bumiputera di MRSM dan program matrikulasi, merupakan satu ujian kepada pelajar Melayu itu sendiri dan penguat semangat untuk mereka lebih berjaya.

Selain itu, beliau turut menasihatkan pelajar Melayu yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara supaya tidak terpengaruh dengan dakwah yang bertujuan menghancurkan bangsa Melayu sendiri.

-- BERNAMA

WNZ ZS RON